

Headline	MERS-CoV masih terkawal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	Mohd Johari Ibrahim joib@bh.com.my h	AdValue	RM 10,954
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,862



MERS-CoV masih terkawal

» *Bakal haji diminta terus patuhi nasihat kesihatan di Tanah Suci*



Mohd Johari Ibrahim
joib@bh.com.my
Makkah

Jemaah haji diminta tidak terlalu bimbang mengenai wabak Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) kerana ia adalah terkawal.

Pengerusi Muassasah Asia Tenggara di sini, Tan Sri Zuhair Abdul Hamed Sedayo, berkata tiada kes dilaporkan di Makkah dan Madinah sehingga ini selepas yang terbaharu dilaporkan pada Mei lalu dan berlaku di luar Madinah serta Makkah.

Katanya, jemaah haji bagaimanapun perlu terus mematuhi nasihat kesihatan sepanjang berada di Tanah Suci, iaitu tidak melawat ladang ternakan terutama unta serta tempat penyembelihan hai-

wan itu.

“Kerajaan Arab Saudi juga mengadakan bengkel untuk memberi pendedahan kepada muassasah ber-

kaitan pengendalian MERS-Cov,” katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim serta pengurusan kanan agensi itu termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Isme Ismail, semalam.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pengurangan kuota jemaah haji sebanyak 20 peratus setiap negara bagi musim 2014 adalah berikutan kerja pembinaan di sekitar Masjidil Haram, terutama kawasan tawaf demi keselesaan jemaah pada masa depan.

Sementara itu, Abdul Azeez berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa kesihatan Arab Saudi bekerjasama rapat dalam pemantauan Mers-CoV, termasuk membekalkan maklumat terkini mengenai penyakit berkenaan.

“Arab Saudi ambil segala langkah proaktif dan terbaik bagi menjamin kesihatan semua jemaah haji, bukan bertumpu kepada sesuatu penyakit khusus. Bermula tahun ini juga, TH akan bekalkan topeng muka kepada setiap jemaah dan mengadakan tazkirah dalam penerbangan termasuk mengenai nasihat kesihatan,” katanya.

Katanya, walaupun penggunaan topeng muka mungkin tidak selesa bagi sesetengah jemaah, mereka digalakkan menggunakannya ketika beribadah di luar bilik penginapan berikutan keadaan panas dan berhabuk akibat kerja pembangunan di sekitar Masjidil Haram ketika ini.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Abdul Azeez berkata, TH akan mewujudkan bilik gerakan khusus di tiga pusat kesihatan, satu di Madinah dan dua di Makkah, menempatkan pakar berkaitan MERS-Cov yang melakukan pemantauan 24 jam.

Pada 16 Jun lalu, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengesahkan kes MERS-Cov semakin berkurangan, tetapi negara terbabit terutama jemaah haji diminta terus berjaga-jaga.

“**Kerajaan Arab Saudi juga mengadakan bengkel untuk memberi pendedahan kepada muassasah berkaitan pengendalian MERS-Cov**”

Zuhair Abdul Hamed Sedayo,
Pengerusi Muassasah Asia Tenggara

Headline	MERS-CoV masih terkawal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm ²
Journalist	Mohd Johari Ibrahim joib@bh.com.my h	AdValue	RM 10,954
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,862



Abdul Azeez (tengah), Ismee (dua dari kanan), Zuhair (dua dari kiri) dan Pengurus Besar Kanan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman mengadakan perbincangan di Makkah.